

07/04/1997

Pelabur Kuwait disaran jadikan KL pintu Asean

Haniff Hadi in Bandar Raya Kuwait

BANDAR RAYA KUWAIT, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempelawa pelabur Kuwait menggunakan Malaysia sebagai pintu masuk ke negara Asean untuk mengukuhkan kehadiran perdagangan mereka di rantau itu.

Perdana Menteri berkata, usahawan Kuwait tidak harus melihat peluang yang ada di Malaysia sahaja, sebaliknya menganggap Malaysia sebagai lokasi strategik untuk meneroka pasaran Asean secara keseluruhannya.

"Dengan kemasukan Vietnam, Asean kini mempunyai 420 juta penduduk dan semua tujuh negara anggotanya mencatatkan pertumbuhan ekonomi tahunan antara tujuh dan sembilan peratus. Perdagangan di antara Asean bagi Januari hingga Jun 1996 adalah AS\$56.2 bilion dengan Keluaran Negara Kasar kira-kira AS\$510.7 bilion.

"Menjelang tahun 2003, Asean akan menyaksikan pelaksanaan sepenuhnya Kawasan Perdagangan Bebas Asean atau Afta," katanya di majlis perbincangan usahawan Malaysia-Kuwait yang diatur oleh Dewan Perniagaan dan Industri Kuwait.

Katanya, ketika itu, barangan pembuatan akan dikenakan tarif tidak lebih daripada lima peratus secara keseluruhannya.

Pasaran Asean yang begitu luas dan iklim perniagaan yang liberal tentu akan menawarkan peluang perdagangan yang besar pada masa akan datang, katanya.

"Oleh itu, saya ingin mengalu-alukan pelabur Kuwait menambah kehadiran perniagaan di rantau ini dengan menggunakan Malaysia sebagai pintu masuk Asean," katanya.

Beliau berkata, untuk menyokong dan menambah rangkaian serantau dan antarabangsa Malaysia, Labuan dijadikan Pusat Kewangan Antarabangsa Pesisir Pesisir (IOFC) dengan sokongan infrastruktur serta kemudahan yang diperlukan.

Pakej insentif kewangan dan bukan kewangan juga ditawarkan kepada syarikat yang menempatkan ibu pejabat kawasanya di Malaysia, katanya.

"Sistem perbankan Islam sepenuhnya juga akan menambah dimensi kepada pasaran. Walaupun Malaysia dikatakan mendahului pelaksanaan perbankan Islam, adalah sukar untuk mewujudkan pelaburan Islam dan pasaran modal yang berfungsi sepenuhnya di peringkat antarabangsa tanpa kata sepakat cendekiawan Islam.

"Yang jelas, banyak bank Islam berminat untuk terbabit dalam pembiayaan projek, khususnya di Asia Timur di mana banyak projek baru yang besar ada," katanya.

Menurutnya, perdagangan Kuwait-Malaysia meningkat daripada AS\$36.96 juta (RM90 juta) pada 1992 kepada AS\$107.68 juta (RM260 juta) pada 1996, meningkat 48 peratus setahun.

Import utama dari Kuwait ialah minyak mentah (94.5 peratus), tembaga dan besi (tiga peratus) manakala Malaysia mengeksport barangan elektrik dan elektronik (23.2 peratus), barang kemas (15.9 peratus) serta kayu dan barangan berasaskan kayu (lima peratus).

(END)